

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah dalam menyusun semula anak Syarikat Yadim iaitu Lembaran Yadim Sdn. Bhd.

JAWAPAN

**YB SENATOR HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lembaran YADIM Sdn Bhd (687699-D), atau nama ringkasnya LYSB yang dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) merupakan sebuah anak syarikat yang telah diperbadankan di Malaysia pada 8 April 2005 dan dimiliki oleh YADIM pada tahun 2010.
2. LYSB bertanggungjawab mentadbir urus dari segi penyewaan Aset Tak Alih YADIM, penyediaan perjanjian sewaan, kutipan hasil sewaan serta kutipan hutang tertunggak pihak penyewa. Berdasarkan bidang operasi perniagaan utama yang ditumpukan oleh LYSB sejak penubuhannya, LYSB telah memperolehi pendapatan yang bertumbuh secara tidak eksponensial (*non-exponential growth*) pada kadar purata

64% serta turut mengalami kerugian pada kadar purata 39% pada tahun 2014 hingga 2019.

3. Berdasarkan situasi tersebut, LYSB telah mengambil langkah untuk menstrukturkan semula syarikat secara bertahap dengan fasa pertama penstrukturkan memfokuskan kepada struktur asas governan (tadbir urus), operasi dan model perniagaan syarikat sepertimana yang telah diangkat dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Kewangan, Pelaburan dan Dana Infaq YADIM Bilangan 2/2020.

4. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- a) Perubahan terhadap struktur asas governan syarikat serta menggunakan kod tatakelola Akta Syarikat 2016 dan pekeliling kerajaan yang bersesuaian;
- b) Penstrukturkan semula modal syer dan modal berbayar syarikat serta perubahan struktur operasi LYSB dengan pengambilan pegawai dan kakitangan sendiri; dan
- c) Mempelbagaikan portfolio perniagaan kepada peruncitan dan pemborongan (YADIMart), perdagangan, penyewaan hartanah serta pelaburan.

5. Kesemua cadangan-cadangan ini telah dikemukakan dan diluluskan oleh Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM. Berdasarkan kepada pencapaian semasa yang diperolehi oleh LYSB, dapat disimpulkan bahawa pelan pemulihan dan penstrukturkan semula syarikat bergerak dalam hala tuju yang positif. LYSB telah berjaya mencatatkan pendapatan terakru sehingga Julai 2021 berjumlah RM2,271,313.14 sejak penyusunan semula yang dilakukan bermula pada bulan Ogos 2020.

Sekian, terima kasih.